

# Dakwah digital dalam Perkembangan Islam di Malaysia

## [Digital Da'wah in the development of Islam in Malaysia]

**BITARA**

Volume 5, Issue 3, 2022: 058-064  
© The Author(s) 2022  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 27 Jun 2022  
Accepted: 27 Ogos 2022  
Published: 30 September 2022

**Berhanuddin Abdullah, Abdul Qahhar Ibrahim, Ahmad Faizol Ismail & Muhamad Nurul Hafiz Abdul Latif <sup>1</sup>**

2 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.  
E-mail: berhan@unisza.edu.my; abdulqahhar@unisza.edu.my; afaizol@unisza.edu.my; mnhafizlatif@unisza.edu.my

\* Corresponding Author: berhan@unisza.edu.my

### Abstrak

Dakwah merupakan satu tanggungjawab setiap muslim. Pelaksanaan dakwah bergantung kepada kemahiran yang dimiliki oleh pendakwah atau ulama berdasarkan pengalaman dan kebijaksanaan penyampaian. Tujuan artikel ini adalah meneliti perkembangan sejarah dakwah secara digital, membincangkan perkembangan dan membicarakan tahap penerimaan masyarakat muslim dan non muslim. Penulisan ini menggunakan bentuk deskriptif dengan menganalisis dokumen dakwah semasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dakwah digital diketengahkan dalam era teknologi menerusi penggunaan media secara meluas. Hakikatnya proses dakwah yang bermula dengan lisan, perbuatan dan persetujuan, telah bertukar sebahagiannya kepada bentuk tulisan, video, siaran serta rakaman bunyi dan gambar. Setelah dunia teknologi berkembang pesat menerusi media sosial dan elektronik, menyebabkan bahan dakwah telah memenuhi pasaran bersumberkan teknologi digital. Ia membentuk satu pendekatan pendidikan awam yang menarik dan berkesan. Elemen pendidikan sangat sesuai dijalankan sebagai strategi dakwah memperkenalkan ajaran Islam dan menangani pelbagai isu semasa masyarakat. Peredaran masa telah menjadikan dakwah digital menarik minat seluruh umat Islam dan masyarakat non-muslim terutama muallaf. Ia menjadi bahan media sosial yang dapat memperkembangkan sumber ilmu, maklumat, rujukan, panduan dan data untuk dicapai serta dianalisis atau diamalkan.

**Kata kunci:** dakwah digital, pendidikan, kemahiran, pengalaman dakwah

### Abstract

Da'wah is a responsibility of every Muslim. The activity of da'wah depends on the skills possessed by the preacher or scholar based on experience and delivery wisdom. The purpose of this article is to examine the development of the history of digital da'wah, discuss the development of Islam and analyze the level of acceptance of digital da'wah by Muslim and non-Muslim communities. This writing uses a descriptive form by analyzing current relevant documents. The findings of the study show that digital da'wah is highlighted in the era of technology through the widespread use of media. The fact is that the preaching process that started with words, actions and consent, has changed partially to writing, video, broadcasting as well as sound and photo recordings. After the world of technology developed rapidly through social media and electronics, causing da'wah materials to fill the market sourced from digital technology. It forms an attractive and effective public education approach. The educational element is very suitable to be carried out as a da'wah strategy to introduce Islamic teachings and deal with various current issues in society. The passage of time has made digital da'wah attractive to all Muslims and non-Muslims, especially the converts. It becomes a social media material

that can develop sources of knowledge, information, references, guides and data to be achieved and analyzed or practiced.

**Keywords:** digital da'wah, education, skills, preaching experience

#### Cite This Article:

Berhanuddin Abdullah, Abdul Qahhar Ibrahim, Ahmad Faizol Ismail & Muhamad Nurul Hafiz Abdul Latif. (2022). Dakwah digital dalam Perkembangan Islam di Malaysia [Digital Da'wah in the development of Islam in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 058-064.

## Pengenalan

Dakwah adalah satu usaha ajakan dan dorongan kepada setiap manusia supaya bertanggungjawab melaksanakan sesuatu urusan bersesuaian dengan fitrah manusia. Urusan yang dimaksudkan itu ialah beriman kepada Allah, mengabdikan diri dengan iktikad dan peribadatan, melakukan amar makruf dan menjauhi daripada kemungkaran. Dalam era teknologi pantas kini, para pendakwah sudah semestinya menggunakan pendekatan dakwah digital dalam mendepani cabaran mendekati kumpulan sasar dakwah. Masalah sosial yang kian meningkat, pengurusan masa yang makin meruncing, kesibukan kerja harian menelan masa senggang, interaksi kekeluargaan kurang memuaskan, cabaran revolusi industri 4.0 dan pendidikan abad 21 telah menjadi satu ancaman sekiranya tidak ditangani dan diatasi dengan cermat.

Oleh itu penggunaan teknologi digital khususnya dalam bidang dakwah menjadi landasan utama untuk membawa satu perubahan pendidikan dan penghayatan Islam. Para pendidik dan pendakwah perlu mengambil kesempatan mengolah penggunaan teknologi digital sebagai medium penting penyebaran ilmu. Perkembangan medium ini perlu dibentuk dan dikawal supaya dunia teknologi tidak mempengaruhi budaya dan mentaliti yang membawa kepada keburukan. Medium ini perlu diolah dengan menarik agar umat Islam dan masyarakat yang berminat dengan kebenaran ajaran Islam dapat difahami dan dihayati dengan sempurna.

## Latar belakang Perkembangan Dakwah

Dakwah Islamiah telah dijalankan sebagai satu tanggungjawab oleh setiap orang rasul yang diutuskan oleh Allah SWT. Ia bertujuan untuk mengajak manusia kepada kebenaran. Umat nabi Muhammad saw. adalah umat terpilih yang diwajibkan menjadi pendakwah. Tugas setiap muslim dalam dakwah ialah menyuruh manusia melakukan kebaikan dan mencegah manusia daripada perbuatan kemaksiatan (al-`Ammar, 2002). Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 110.

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ

Maksudnya: Kamu (umat Islam) adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, (karena kamu) menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah dari

yang mungkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka. Di antara mereka ada yang beriman, namun kebanyakan mereka adalah orang-orang fasik.

Bersumberkan ayat di atas, dakwah merupakan satu kerja atau amalan kebaikan yang boleh dilaksanakan oleh sesiapa sahaja, asalkan ia mempunyai niat luhur untuk menyerahkan diri kepada Allah dalam memastikan ajaran Islam sampai kepada sasaran. Perintah berdakwah adalah satu kewajipan umat Islam untuk berdakwah kepada seluruh manusia. Dakwah boleh diadakan dengan cara ajakan melaksanakan kebaikan, pencegahan daripada melakukan kemungkar, bimbingan rohani dan amali untuk beribadat kepada Allah SWT. Tujuan dakwah adalah untuk mengajak beriman kepada Allah termasuk daripada kalangan ahli kitab dan mengurangkan kumpulan yang melakukan amalan yang bertentangan dengan perintah Allah.

Pelaksanaan dakwah berpaksikan kepada pendekatan secara bijaksana, pengajaran dan perbincangan dengan baik. Pendekatan ini akan membantu manusia memahami Islam dengan menyeluruh, menerima hakikat kejadian dan fitrah manusia serta menunaikan tanggungjawab dengan sempurna (Mahmud Al-'Any, 2007). Metodologi ini telah dikembangkan oleh para pendakwah dan ahli ilmuwan dalam bidang dakwah bersumberkan firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.

Dakwah secara bijaksana memberi maksud yang sangat luas dan perlu diperincikan dengan berbagai cara dan persembahan. Pada masa kini, pendekatan dakwah secara hikmah merangkumi dakwah teknologi dan dakwah digital. Hakikat dakwah merupakan suatu seni yang kreatif bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman membuat penyampaian. Kemahiran teknik menjadi satu kekuatan kepada dakwah berhikmah dengan tujuan mempengaruhi penerimaan kumpulan sasar. Maka pada masa kini dalam era teknologi maklumat, sangat sesuai para pendakwah mengambil kesempatan menggunakan pendekatan dakwah digital. Hanya berada di hujung jari pendakwah menukilkan sesuatu sebagai pendekatan dakwah.

Dakwah melalui pengajaran mempunyai elemen pendidikan dan pengembangan ilmu pengetahuan. Dakwah secara pengajaran dapat dilaksanakan secara dalam talian dan aplikasi internet. Pada masa kini sistem pendidikan secara sendiri dipandang lebih menarik disebabkan oleh perilaku dan pengaruh persekitaran yang mendesak untuk menjimatkan masa dan mengurangkan pergerakan diri. Kemudahan dunia media sosial menjadi satu keperluan untuk mendapat pengajaran ilmu pengetahuan.

Manakala dakwah secara perbincangan dan perdebatan yang baik mencakupi usaha memberi penjelasan terhadap isu semasa dan kekeliruan serta salah faham tentang Islam. Ia dapat dilaksanakan menerusi berbagai aplikasi media sosial. Kehebatan penggunaan bentuk

perdebatan bergantung kepada kemahiran dan kebolehan diri pendakwah masa kini. Gaya profesional pendakwah dalam penyampaian adalah berbeza mengikut watak sebenar pendakwah dan daya tarikan personaliti. Ia sangat mempengaruhi kumpulan sasar untuk mendapatkan perkongsian maklumat dan kejelasan ajaran Islam.

Di tengah kesibukan masa dengan pekerjaan dan aktiviti kemasyarakatan lainnya, para pembaca dan penonton sangat menggemari penyampaian yang ringkas, padat, menarik dan bergambar. Elemen fitnah, propaganda, keburukan dan kengerian tidak wajar dipaparkan kerana akan menimbulkan kebencian masyarakat terhadap kegiatan dakwah. Bahkan elemen ini merupakan amalan orang fasiq, zalim dan kufur kepada Allah SWT.

## Penurunan Wahyu dan Proses Penulisan al-Quran

Al-Quran diturunkan dalam banyak keadaan dan cara. Antaranya:

1. Mimpi yang benar. Ia merupakan permulaan turunnya wahyu kepada Rasulullah saw.
2. Bisikan para malaikat. Mukjizat Rasulullah saw ialah berupa mentafsirkan sesuatu yang dibisikkan oleh malaikat terhadap jiwa dan hati Nabi tanpa beliau melihat wajah malaikat tersebut.
3. Wahyu secara bersemuka. Kehadiran wajah malaikat secara fizikal yang mengajak beliau berbicara hingga beliau memahaminya dengan baik apa yang dikatakan kepadanya sehingga dapat dilihat oleh para sahabat.
4. Dalam bentuk bunyian gemerenging dan diikuti malaikat (yang menyampaikan wahyu) secara samar. Ia dapat didengari oleh Rasulullah saw dan ditafsirkan sebagaimana yang dapat difahami daripada pembacaan al-Quran.
5. Malaikat dalam bentuk asalnya yang dilihat langsung oleh Rasulullah saw. Lalu diwahyukan kepada beliau beberapa wahyu yang dikehendaki Allah.
6. Wahyu yang diwahyukan Allah kepada beliau secara langsung. Iaitu, saat beliau menerima undangan isra' dan mikraj pada malam mikraj ketika difardukan solat dan gambaran peristiwa lain berkaitan kelebihan iman, kejituan ibadat serta kerugian akibat kelalaian dan kemaksiatan yang melanggar perintah Allah.
7. Berupa kalamullah (ucapan Allah) kepada Rasulullah saw tanpa perantaraan malaikat, sebagaimana Allah berbicara kepada Musa bin Imran.

Walaupun ketika hayat Rasulullah saw, al-Quran dipelajari menerusi hafazan (Qabisi, 1981) dengan cara sahabat *birtalaqqi* (belajar dalam bentuk pertemuan dengan guru) bersama Rasulullah saw, Baginda juga meminta sahabat yang dipertanggungjawabkan untuk menulis wahyu Allah SWT itu secepat mungkin.

Dalam kalangan sahabat, terdapat enam penulis al-Quran yang paling popular (Zarzur, 2004), iaitu Abdullah ibnu Saad, Uthman ibnu 'Affan, 'Ali ibnu Abi Talib, Ubai ibnu Ka'ab, Za'id ibnu Thabit dan Mu'awiyah ibnu Abi Sufyan. Hasil penulisan mempunyai gaya tersendiri dan bentuk tulisan yang difahami sesama mereka pada masa itu. Boleh dikatakan penulisan pada masa itu masih bersifat seni ukiran dan tulisan. Secara umumnya proses pendigitalan

bermula dengan bentuk kreativiti yang tidak bersifat teknologi tetapi perubahan daripada sebutan kepada tulisan dan ukiran pada bahan fitrah.

Di zaman Khalifah Abu Bakar (al-Rumi, 2014), dilakukan penulisan al-Quran atas cadangan Saidina Umar ibn al-Khattab ra. lalu melantik Zayd bersama beberapa jawatankuasa lain. ‘Abd al-Ra‘uf berkata, proses penyalinan al-Quran bermula pada tahun 12 hijrah (mengambil tarikh peperangan al-Yamamah) dan memakan masa dalam 15 bulan. ‘Umar menggunakan mushaf yang sama hingga beliau wafat tahun 23 Hijrah dan diganti Uthman. Mushaf al-Quran itu berpindah kepada anak khalifah kedua terbabit, Hafshah yang juga isteri Rasulullah SAW.

## **Perkembangan Digital Berpaksikan Penulisan al-Quran**

Perlu difahami bahawa sistem digital kini merupakan hubungan langsung dengan era teknologi walaupun pada masa kini telah disebut sebagai era digital. Penulisan ini akan mengaitkan hubungan penurunan wahyu dengan proses berlakunya pendigitalan.

Sistem digital ialah satu teknologi data yang menggunakan nilai-nilai diskrit. Maklumat adalah diwakili daripada diskrit dan analog selanjut (Tocci 2006). Walaupun begitu boleh dikira bahawa dalam konteks dakwah Islamiah, kedua-dua perwakilan maklumat adalah asas dalam membentuk sistem digital dakwah yang bermula daripada penurunan wahyu kepada penulisan dan kemudian diterapkan dalam bentuk diskrit bagi menghasilkan dakwah digital.

Wahyu diturunkan dalam berbagai bentuk dan keadaan seperti bunyian kuat, bunyian loceng, mimpi, imej, sebutan perkataan menerusi malaikat dan berbagai cara lagi. Penulisan wahyu oleh para sahabat berbentuk analog yang menggunakan julat nilai-nilai yang selanjut untuk mewakili maklumat yang dipindahkan daripada sebutan Rasulullah saw. Sebutan Rasulullah saw tersebut dicatat dalam bentuk tulisan Arab yang ditulis pada bahan yang senang diperolehi pada masa itu seperti batu, kayu, kulit dan pelepah tamar. Tulisan pada pelepah tamar, kulit dan tulang binatang yang disamak, kayu dan batu masih mengekalkan huruf sebutan dan bilangan nombor ayat. Kemudian ia telah disusun menerusi bacaan Rasulullah bersama malaikat daripada ayat-ayat yang tidak tersusun sehingga menjadi satu urutan dalam satu-satu surah. Ia mewakili analog selanjut yang dimasukkan dalam alat teknologi dan bertukar kepada perwakilan diskrit misalnya nombor, huruf atau arca.

## **Dakwah Digital**

Dakwah merupakan satu kaedah penyampaian dalam pendidikan untuk menyeru kepada keimanan dan keperibadian manusia yang soleh. Pendidikan secara umumnya dijalankan secara bersemuka. Adapun dalam perkembangan dunia teknologi kini, sebahagian bentuk pendidikan dijalankan secara berteknologi khususnya media teknologi dan penyampaian dalam talian.

Perkembangan teknologi informasi yang canggih telah mempermudah sistem komunikasi dan interaksi sesama manusia. Ia telah membantu perkembangan dakwah dan pendidikan melalui dalam talian, media sosial, media telekomunikasi. Dalam era teknologi digital, para pendakwah dituntut supaya memanfaatkan teknologi maklumat dan multimedia.

Dakwah digital bukan lagi sebagai pilihan tetapi sudah menjadi alat utama dalam pengembangan dakwah dan syiar Islam.

Oleh itu para pendakwah kini khususnya pendakwah muda perlu dilatih dengan penulisan jurnal, pemikiran kreatif, fotografi dan penggunaan audio visual menerusi aplikasi sistem yang sedang berkembang sebagai media sosial. Dakwah digital mestilah menguasai kemahiran teknologi, seni penyampaian dan informasi telekomunikasi terkini. Sekiranya dakwah digital ini tidak mengambil peluang membawa sinar Islam, nescaya kehidupan manusia akan dihancurkan oleh kebatilan dan kemusnahan.

Dakwah digital boleh jadi menarik jika ia direka bentuk dalam berbagai teknik untuk menarik minat seseorang. Berbagai sumber teknologi multimedia dapat digunakan bagi memberi gambaran yang jelas mengenai Islam. Bahkan terdapat berbagai bentuk animasi yang mampu memukau perhatian kanak-kanak dan remaja untuk menerima kejelasan ajaran Islam. Perkara tersebut perlu dimainkan oleh para pendakwah milenium apabila berhadapan dengan generasi milenium (generasi z) masa kini.

## Kesimpulan

Dakwah dalam masa era teknologi revolusi industri 4.0 bergerak seiring dengan dunia digital. Dakwah tidak terbatas kepada penggunaan media tradisional seperti buku atau bahan penulisan dan pengajian secara bersemuka tetapi melibatkan penggunaan multimedia. Jaringan dakwah perlu diperkasakan dan hubungan kerjasama medan dakwah dan institusi dakwah perlu dipertingkatkan. Perbezaan pendapat dan percanggahan fahaman harus ditangani dengan bijak supaya tidak menimbulkan kekeliruan masyarakat untuk beramal. Oleh itu kerjasama, kesepakatan, toleransi membuah hasil yang baik dalam penyampaian dakwah Islamiah.

Kesepaduan dan integrasi ilmu dalam pengembangan dakwah mesti dilaksanakan segera. Peluang dakwah menerusi media elektronik, teknologi, media digital dan aplikasi sosial hendaklah dipacu dengan baik tanpa mewujudkan berbezaan pandangan bagi menangani isu semasa masyarakat dunia. Tambahan pula sehingga kini telah berkembang pesat berkaitan al-Quran digital, Hadith digital dan bahan rujukan seperti buku dan jurnal digital. Dalam kesempatan ini, dakwah digital hendaklah menjadi landasan utama bagi menyebarkan sumber ajaran Islam.

Perkembangan pesat dunia pendigitalan menyebabkan peluang bertambah besar dalam kalangan pendakwah untuk menggunakan sumber media dalam mengembangkan agenda dakwah Islamiah. Dakwah menjadi semakin popular, para penonton dan pendengar semakin gemar menggunakan sumber digital untuk mencari ilmu pengetahuan, pengumpul, penyebaran dan membuat perkongsian maklumat mengenai ajaran Islam.

## Rujukan

- Al-'Ammar, Hamd bin Nasir bin 'Abd al-Rahman. 2002. *Nusus al-Da'wah fi al-Qur'an al-Karim: Dirasah Ta'siliyyah*. Cetakan Kedua. Al-Sa`udiyah: Dar Eshbelia li al\_Nasyr wa al-Tauzi`
- Mahmud Al-'Ani, Ziyad. 2007. *Asalib al-Daiwah wa al-Tarbiyah fi al-Sunnah al-Nabawiyah*. Dimasq: Dar al-Salam.

- al-Qabisi, Muhammad. 1981. *Tadwin al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- al-Rumi, Fahd bin Abdul Rahman. 2014. *Dirasat fi Ulum al-Quran al-Karim*. Al-Riyadh: Jami`ah al-Malik Saud.
- Tocci, R. 2006. *Digital Systems: Principles and Applications (10th Edition)*. Prentice Hall.
- Zarzur, Adnan Muhammad. 2004. *Ulum al-Quran wa Tazuhuhu wa Tarikh Tauthiquhu*. Bahrain: Dar al-Ilam.